

30 MAY 1997

India-ekstradisi

INDIA SEKALI LAGI MAHU PENIAGA ITALI DIEKSTRADISI DARI MALAYSIA

NEW DELHI, 30 Mei (Bernama) -- India sekali lagi mahu mengekstradisi ahli perniagaan Itali Ottavio Quattrocchi dari Malaysia berhubung skandal urusan senjata antara syarikat India, Bofors dengan Sweden.

Pengarah Biro Siasatan Pusat India (CBI) Joginder Singh telah menghantar surat berhubung perkara itu kepada Polis Malaysia menerusi Interpol, lapor harian berbahasa Inggeris, Pioneer hari ini.

Satu pasukan pegawai CBI berkunjung ke Malaysia lebih sebulan lalu tetapi gagal dalam rundingan mereka untuk mengekstradisi Quattrocchi.

Harian itu berkata pasukan CBI itu gagal mendapat ekstradisi kerana pihak berkuasa Malaysia mahu tahu peranan sebenar peniaga senjata berbangsa Itali itu dalam skandal berkenaan.

Quattrocchi dilaporkan tinggal di Malaysia.

Sementara itu kerajaan negeri Andhra Pradesh telah mengenalpasti kawasan seluas 160 hektar (400 ekar) bagi pembinaan kilang memasang kereta Proton secara usaha sama dengan pengeluar kereta Malaysia.

Satu delegasi pegawai Proton dijangka melawat Andhra Pradesh bulan depan untuk memeriksa tapak yang dicadangkan itu, lapor akhbar Financial Express.

Menurut akhbar itu Ketua Menteri Andhra Pradesh Chandrababu Naidu bersetuju pada dasarnya untuk menubuhkan kilang pengeluaran semasa pertemuannya dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur awal bulan ini.

Laporan itu berkata Proton juga sedang mencari tapak baru yang lebih murah bagi kilang komponen dan alat ganti kereta di Andhra Pradesh berikutan kenaikan kos tenaga kerja di Malaysia. -- BERNAMA

MP OBA